

# 10,000 flat baru HDB dipasang paip pancuran bijak mulai awal tahun depan

PEMASANGAN sistem paip pancuran (*shower*) bijak di 10,000 flat Bina Ikut Tempahan (BTO) Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) akan bermula awal tahun depan, kata agensi air negara PUB semalam.

Dua firma – Amphiro dan Smart and Blue – akan membekal dan menghantar sistem paip pancuran itu.

Setiap firma akan menghasilkan sehingga 10,000 sistem paip pancuran bijak itu.

Perincian seperti flat BTO mana yang

akan dipasang dengan sistem tersebut masih belum ditetapkan.

Proses sepenuhnya akan berterusan sehingga 2019.

Sistem paip pancuran Amphiro akan disertakan dengan panel yang menunjukkan jumlah air yang digunakan.

Firma Smart and Blue pula menyarankan menggunakan kod warna berbeza-beza pada kepala paip pancuran itu sebagai petunjuk mengenai jumlah air yang digunakan.

Warna lebih gelap bermakna jumlah air yang digunakan adalah tinggi.

Saranan daripada kedua-dua firma itu turut menyelitkan ciri-ciri interaktif yang membolehkan firma-firma itu, misalnya, mengawasi sejarah jumlah air yang digunakan selain menetapkan sasaran penjimatan air.

PUB menerima empat saranan selepas membuka tender bagi pembekal paip pancuran bijak awal tahun ini.

Satu kajian yang dijalankan Universiti

Nasional Singapura (NUS) menunjukkan bahawa seseorang boleh menjimatkan sehingga lima liter air setiap hari jika menggunakan alat paip pancuran bijak.

Dengan menggunakan sistem sedemikian, sebagai sebahagian daripada usaha pemerintah membantu rakyat Singapura mengurangkan pembaziran air, ia dapat membantu sesebuah keluarga menjimatkan sekitar 3 peratus pada bil air bulanan mereka, menurut PUB.

Menurut saintis tingkah laku, Encik Ho Teck Hua, yang juga timbalan presiden bagi penyelidikan dan teknologi dan Profesor Seratus Tahun (*Centennial Professor*) Tan Chin Tuan di NUS:

“Inisiatif seperti penggunaan alat paip pancuran bijak yang menawarkan maklumat boleh memberi rangsangan dalam membuat perubahan dari segi tingkah laku selain melengkapi dasar tradisional dalam mencapai matlamat pemuliharaan air Singapura.”